

Press Release From The Judiciary On The Implementation of The New Rules of Court 2012



Pejabat Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Siaran Akhbar Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

Adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Kaedah-Kaedah yang ditubuhkan di bawah seksyen 17 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan seksyen 3 Akta Kaedah Mahkamah Rendah 1955 yang terdiri daripada wakil Badan Kehakiman, Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam, Persatuan Peguam Sarawak, Persatuan Undang-Undang Sabah dan dipengerusikan oleh YAA Ketua Hakim Negara telah memperkenalkan **Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (*Rules of Court 2012*)** bagi menggantikan Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (*Rules of the High Court 1980*) dan juga Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 (*Subordinate Courts Rules 1980*). Kaedah Mahkamah baru menggabungkan Kaedah-Kaedah yang terpakai bagi kes sivil di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah.

Tujuan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ini dibuat adalah untuk memudahkan dan menyeragamkan prosedur sivil di Mahkamah serta meningkatkan mutu penyampaian sistem keadilan di Malaysia. Diantara ciri-ciri baru yang dibuat ialah;

- i) prosidur sivil di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah diseragamkan dan dipermudahkan.
- ii) untuk pertama kalinya, teks sah bagi kaedah-kaedah ini dibuat dalam Bahasa Malaysia.
- iii) cara memulakan kes di Mahkamah telah dipermudahkan daripada 4 cara kepada hanya 2 cara iaitu melalui writ saman (*writ of summons*) atau saman pemula (*originating summons*) sahaja.
- iv) permohonan interlokutori di kedua-dua Mahkamah diseragamkan dengan hanya menggunakan notis permohonan dan tidak lagi saman dalam kamar (*summons in chambers*)

Jawatankuasa Kaedah-kaedah dan Jawatankuasa kecil Kaedah-Kaedah yang ditubuhkan ini telah bersidang sebanyak 15 kali semenjak tahun 2009 bagi menyediakan dan memuktamadkan draf akhir Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Akhirnya, Kaedah-Kaedah Mahkamah tersebut telah diluluskan oleh kedua-dua Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah pada 26 Jun 2012 dan akan dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2012 .

Para pengamal undang-undang dan orang ramai boleh mendapatkan salinan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 di laman web www.federalgazette.agc.gov.my, www.kehakiman.gov.my atau www.malaysianbar.org.my.

Disediakan oleh:
Che Wan Zaidi bin Che Wan Ibrahim
Pegawai Khas I kepada
YAA Ketua Hakim Negara

2 Julai 2012.

(Reproduced from the Malaysian Bar website)

